



Manual

Skim Pengesahan Bahan Tanaman : Pengeluaran Biji Benih

1. TUJUAN
2. LATAR BELAKANG
3. PENDAFTARAN SEBAGAI PESERTA SKIM
4. PELAKSANAAN AUDIT PRA-KELAYAKAN PEMOHON DAN KELULUSAN
5. PERMOHONAN UNTUK PENGESAHAN LADANG BENIH
6. PEMERIKSAAN LADANG BENIH
7. PEMERIKSAAN LOJI/ PREMIS PEMROSESAN BENIH
8. PENUAIAN DAN PEMROSESAN BIJI BENIH MENTAH
9. REKOD SERAHAN LOT BIJI BENIH PROSES
10. PENGAMBILAN SAMPEL BENIH
11. UJIAN KUALITI BIJI BENIH
12. PEMERIKSAAN STOR DAN STOK
13. PERAKUAN PENGESAHAN KUALITI BIJI BENIH
14. PELABELAN
15. PEMASARAN BIJI BENIH SAH
16. PETAK KAWALAN UJIAN KETULENAN VARIETI
17. RUJUKAN
18. GLOSARI
19. MUAT TURUN BORANG

1. TUJUAN

Manual ini dikeluarkan sebagai panduan kepada pengeluar biji benih, pegawai pemeriksa, Urus Setia dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman : Pengeluaran Biji Benih berdasarkan prosedur dan standard yang ditetapkan. Manual ini juga dijadikan rujukan kepada pegawai yang menjalankan ujian biji benih.

2. LATAR BELAKANG

Biji benih adalah input asas di dalam pembangunan pertanian. Penggunaan biji benih berkualiti daripada varieti terbaik (superior) tanaman adalah penting untuk meningkatkan produktiviti tanaman selaras dengan Dasar Agromakanan.

Tujuan utama skim ini ialah untuk memastikan pengeluaran benih tanaman oleh agensi kerajaan dan swasta adalah berkualiti dari segi ketulenen varieti, ketulenan fizikal, percambahan, kandungan kelembapan, kecergasan dan bebas penyakit. Jabatan Pertanian telah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengawal selia pengeluaran biji benih melalui Skim Pengesahan Bahan Tanaman : Pengeluaran Biji Benih (PBB). PBB merupakan satu sistem perakuan kualiti pengeluaran biji benih tanaman untuk tujuan penanaman mengikut prosedur dan standard yang ditetapkan.

Melalui pelaksanaan PBB, Jabatan Pertanian berperanan sebagai agensi pengesahan ke atas biji benih yang dikeluarkan dalam negara.

3. PENDAFTARAN SEBAGAI PESERTA SKIM

Dalam pelaksanaan PBB, pengeluar biji benih yang berminat untuk menyertai skim perlu memohon sebagai Peserta Skim terlebih dahulu dengan mengisi Borang Permohonan Sebagai Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman : Pengeluaran Biji Benih ([ABB 1](#)) yang boleh dimuat turun daripada Laman Web Jabatan Pertanian <http://www.doa.gov.my> atau diperolehi di alamat berikut:



Urus Setia,
Skim Pengesahan Bahan Tanaman
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
Jabatan Pertanian Malaysia,
Wisma Tani, Aras 7
No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4
62624 Putrajaya

Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan dan dikemukakan bersama dengan borang ABB 1 dan dihantar ke alamat di atas. Permohonan yang tidak lengkap atau mengandungi maklumat yang salah tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

Pengeluaran biji benih tanaman perlu mematuhi syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Biji benih tanaman untuk tujuan pengeluaran mestilah daripada sumber yang diperakui oleh Jabatan Pertanian.
- ii. Semua prosedur penanaman, pemprosesan, pembungkusan, perlabelan dan penyimpanan perlu dipatuhi.
- iii. Penanaman di ladang hendaklah memenuhi standard minimum ladang dan biji benih yang dihasilkan hendaklah memenuhi standard minimum biji benih mengikut jenis tanaman.

Bagi memastikan peraturan-peraturan yang ditetapkan dipatuhi, pemeriksaan pengeluaran biji benih ini dilakukan ke atas ladang biji benih, loji/premis pemprosesan biji benih dan setor penyimpanan biji benih. Kaedah pemeriksaan dijalankan melalui penilaian fizikal dan semakan rekod.

Persampelan dilakukan ke atas setiap lot biji benih yang telah diproses dan dihantar ke Makmal Ujian Biji Benih untuk dilakukan ujian-ujian ketulenan, kelembapan dan percambahan.

Bagi tujuan pengesahan, aspek-aspek kualiti yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Ketulenen varieti – berdasarkan standard ladang (*field standard*) dan ujian carian biji benih (*seed search*).

2. Ketulenen fizikal, kelembapan dan percambahan biji benih – berdasarkan standard biji benih.

Hanya tanaman yang tersenarai dalam Senarai Varieti Tanaman Untuk Pengesahan Skim Pengesahan Bahan Tanaman boleh dipohon oleh Peserta Skim untuk diperaku. Senarai Varieti Tanaman Untuk Pengesahan boleh dirujuk pada [Lampiran 1](#).

Ladang benih yang memenuhi standard minimum ladang dan lot benih yang memenuhi standard minimum biji benih dan mematuhi syarat pembungkusan, perlabelan dan penyimpanan akan diperakukan sebagai biji benih asas, daftar atau sah.

Selaras dengan pelaksanaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman : Pengeluaran Biji Benih (PBB), Jabatan Pertanian akan menggalakkan petani dan pengusaha mendapatkan bekalan benih tanaman yang tulen dan berkualiti dari Peserta Skim.

4. PELAKSANAAN AUDIT PRA-KELAYAKAN PEMOHON DAN KELULUSAN

Borang permohonan ([ABB 1](#)) akan disemak bagi menentukan ia telah diisi dengan lengkap dan betul. Borang bagi permohonan yang lengkap diserahkan kepada Urus Setia bagi menentu dan mengesahkan keupayaan pengeluar dan kesesuaian premis untuk mengeluarkan benih. Jika perlu, Urus Setia atau Pegawai Pemeriksa akan membuat pemeriksaan dan pengauditan ke atas organisasi, ladang, loji/premis pemprosesan benih, stor serta peralatan berkaitan.

Kelulusan akan dibuat berdasarkan ulasan pemeriksaan dan perakuan oleh Urus Setia. Status permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon selewat-lewatnya dua minggu selepas borang diterima melalui Kad Maklum Balas ([ABB 1A](#)).

5. PERMOHONAN UNTUK PENGESAHAN LADANG BENIH

Pendaftaran Ladang Benih

Hanya pengeluar yang berdaftar sebagai Peserta Skim sahaja layak memohon perkhidmatan Skim Pengesahan Bahan Tanaman : Pengeluaran Biji Benih (PBB).



Permohonan untuk pengesahan ladang benih perlu menggunakan Borang Permohonan Pendaftaran Ladang Benih Skim Pengesahan Bahan Tanaman : Pengeluaran Biji Benih ([ABB 2](#)). Semua permohonan hendaklah dilengkapi dengan peta lokasi bagi memudahkan pengenalpastian lot dan kerja-kerja pemeriksaan. Pengeluar juga dikehendaki menyertakan salinan invois, nota hantaran, resit atau mana-mana dokumen sumber benih yang akan digunakan sebagai bukti sumber yang diperaku.

Borang ABB 2 hendaklah dihantar tidak kurang daripada 30 hari sebelum tarikh penanaman. Sebarang pindaan terhadap permohonan asal dianggap sebagai permohonan baru dan hendaklah dibuat dalam masa yang ditetapkan.

Permohonan atau pindaan yang lewat daripada tempoh masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Borang ABB 2 yang lengkap hendaklah dihantar kepada Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman seperti di alamat berikut:

Urus Setia,
Skim Pengesahan Bahan Tanaman
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
Jabatan Pertanian Malaysia,
Wisma Tani, Aras 7
No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4
62624 Putrajaya

Jika perlu, pihak Urus Setia akan meninjau ladang benih berkenaan bagi menjalankan pemeriksaan ke atas fizikal ladang benih.

Penanaman

Pengeluar hendaklah mewujudkan ladang benih dengan jarak pengasingan yang ditetapkan mengikut tanaman. Bagi setiap lot ladang benih, pengeluar hendaklah memasang papan tanda ([Lampiran 2](#)).

Hanya varieti tanaman yang dipohon sahaja boleh ditanam untuk pengesahan. Setiap ladang benih perlu mendapatkan bekalan kategori benih ditetapkan daripada

sumber yang diperaku. Pengeluar perlu menyimpan semua rekod transaksi atau bukti kesahihan kategori sumber benih yang digunakan bagi tujuan pengesahan termasuk benih-benih yang digunakan dalam penyulaman. Kegagalan mengemukakan bukti boleh mengakibatkan permohonan tersebut dibatalkan.

6. PEMERIKSAAN LADANG BENIH

Peraturan Am

Pemeriksaan ladang akan dijalankan bertujuan untuk memastikan ladang benih dan tanaman memenuhi piawaian minimum ladang seperti yang ditetapkan.

Pemeriksaan dilakukan sekurang-kurangnya sekali sepanjang peringkat tumbesaran iaitu pada peringkat berbuah. Walaubagaimanapun sekiranya perlu, pemeriksaan di peringkat pra tanam atau berbunga akan dijalankan.

Pemeriksaan Peringkat Pra Tanam

Pemeriksaan pra tanam dilakukan sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tanam. Ia bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada jarak dan tempoh pengasingan bagi memastikan kesesuaian lot untuk penanaman. Bagi tujuan pemeriksaan kesahihan kategori dan sumber benih yang digunakan, bukti rekod pengedaran dan penerimaan oleh pengeluar, petani atau pengusaha adalah diperlukan.

Keputusan pemeriksaan ladang yang telah diperakui oleh Pegawai Pemeriksa akan dimaklumkan kepada pemohon dengan menggunakan Borang Laporan Pemeriksaan Ladang ([ABB 3A](#)) selewat-lewatnya 14 hari selepas pemeriksaan ladang selesai dijalankan.

Pemeriksaan Peringkat Berbunga / Berbuah

Pemeriksaan peringkat berbuah bertujuan untuk membuat pemeriksaan bagi menentukan perkara berikut:

- I. Ketulenan varieti (%)
- II. Kehadiran pokok takai (%)
- III. Kedapatan rumpai berbahaya / penyakit bawaan biji benih

IV. Kesihatan dan kecergasan varieti yang ditanam.

Pengeluar dikehendaki membuat penakaian seperti yang disyorkan bagi memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Kegagalan pengeluar untuk mematuhi spesifikasi atau syor yang dikemukakan boleh mengakibatkan lot ladang berkenaan digugurkan dari senarai skim ladang benih.

Keputusan pemeriksaan ladang yang telah diperakui oleh Pegawai Pemeriksa akan dimaklumkan kepada pemohon dengan menggunakan Borang Laporan Pemeriksaan Ladang ([ABB 3B](#)) selewat-lewatnya 14 hari selepas pemeriksaan ladang selesai dijalankan.

7. PEMERIKSAAN LOJI/ PREMIS PEMROSESAN BENIH

Peraturan Am

Pemeriksaan loji/premis pemprosesan benih dijalankan bagi memastikan loji/premis pemprosesan benih mempunyai peralatan yang bersesuaian dan semua peralatan berada dalam keadaan bersih dan terurus. Ia bertujuan bagi menghindari sebarang pencemaran atau percampuran varieti semasa penerimaan dan pemprosesan biji benih dijalankan.

Pengeluar perlu memastikan semua peralatan adalah bersih dan bebas daripada sebarang pencemaran. Pengeluar perlu membersihkan semua peralatan sebelum pemprosesan bermula. Pengeluar juga dikehendaki memastikan semua operasi loji/premis pemprosesan biji benih tidak tercemar atau bercampur dengan varieti lain atau biji benih yang bukan untuk tujuan pengeluaran benih.

Pengeluar dikehendaki menyediakan prosedur kerja pemprosesan bagi mengawal pencemaran dan kualiti biji benih. Pengeluar perlu menyimpan rekod-rekod tuaian, penerimaan pemprosesan, pengeringan, pembersihan, penggredan, pembungkusan dan perlabelan bagi membenarkan penjejakan (*traceability*). Pegawai Pemeriksa akan menjalankan pemeriksaan ke atas prosedur kerja pemprosesan, peralatan pemprosesan dan rekod pemprosesan bagi menentukan tidak berlaku pencemaran dalam biji benih dan penjejakan di setiap peringkat pemprosesan.



Pengeluar perlu memohon untuk pemeriksaan loji/premis pemprosesan 30 hari sebelum memulakan aktiviti pemprosesan dengan menggunakan Borang Laporan Pemeriksaan Loji/Premis Pemprosesan Benih ([ABB 4](#)).

Pengesahan terhadap keputusan pemeriksaan loji/premis pemprosesan benih akan dilakukan oleh Pegawai Pemeriksa berkaitan.

Pengeluar atau wakil mestilah hadir bersama semasa pemeriksaan dijalankan. Kegagalan untuk membuat permohonan dan hadir semasa pemeriksaan boleh mengakibatkan lot benih terlibat dibatalkan. Pemeriksaan juga akan dijalankan pada bila-bila masa jika diperlukan.

Keputusan pemeriksaan loji/premis pemeriksaan benih akan dimaklumkan kepada pemohon dengan menggunakan borang tersebut. Sebarang tindakan dan keraguan yang boleh menyebabkan berlakunya pencemaran atau percampuran akan mengakibatkan konsainan benih mentah atau benih proses berkaitan ditolak.

8. PENUAIAN DAN PEMROSESAN BIJI BENIH MENTAH

Penuaian Benih Mentah

Pengeluar perlu memastikan semua peralatan dan pengangkutan penuaian bebas daripada sebarang pencemaran seperti benih rumpai, varieti lain dan biji benih yang bukan untuk tujuan pengeluaran biji benih. Hanya lot ladang benih yang lulus pemeriksaan ladang dan biji benih yang telah mencapai tahap matang sahaja dibenarkan dituai. Pengeluar juga dikehendaki merekodkan jumlah tuaian dari setiap petak ladang benih dalam borang Rekod Hasil Tuaian Benih Mentah ([ABB 5](#)) yang diperakui oleh Pegawai Pemeriksa.

Pengumpulan dan Penghantaran Biji Benih Mentah

Benih mentah yang dituai dari ladang benih yang telah lulus pemeriksaan ladang hendaklah dihantar dan diproses di loji/premis pemprosesan biji benih yang telah berdaftar dan diperakui oleh Pegawai Pemeriksa.

Pemprosesan Benih Mentah

Pengeluar bertanggungjawab sepenuhnya untuk memproses biji benih mentah yang diterima dan diperakui oleh Pegawai Pemeriksa di loji/premis pemprosesan benih yang telah ditetapkan. Pengeluar dikehendaki menyediakan rekod benih mentah dan rekod pengeringan yang akan diperiksa dari semasa ke semasa.

9. REKOD SERAHAN LOT BIJI BENIH PROSES

Pengeluar dikehendaki memastikan benih proses disusun mengikut lot pada berat maksimum yang ditentukan. Pengeluar bertanggungjawab menyediakan rekod benih proses yang telah dikeluarkan. Rekod benih proses ini akan disemak dari semasa ke semasa oleh Pegawai Pemeriksa.

10. PENGAMBILAN SAMPEL BENIH

Peraturan Am

Persampelan bertujuan untuk mendapatkan saiz sampel serahan yang mencukupi yang diambil secara rawak bagi mewakili setiap lot benih proses. Setiap lot benih proses perlu disampel untuk menjalani ujian kualiti dan keputusan ujian dibandingkan dengan piawaian yang ditetapkan bagi penentuan perakuan dan pengesahan kualiti. Pengeluar dikehendaki memaklumkan kepada urus setia mengenai pengambilan sampel untuk ujian kualiti biji benih.

Aturan Pengambilan Sampel

Persampelan akan dibuat oleh Pegawai Pemeriksa dari Jabatan Pertanian mengikut waktu yang akan ditetapkan. Pengambilan sampel berpandukan kepada MS 320 : 2008 *Seeds – Sampling and Tests (Second Revision)* yang boleh diperolehi daripada Jabatan Standard Malaysia. Pengeluar atau wakil mestilah bersama semasa pengambilan sampel dijalankan. Sampel-sampel yang diambil akan dicatatkan di dalam borang Pengambilan Sampel Untuk Ujian Biji Benih ([ABB 6](#)). Setiap sampel perlu mempunyai label yang menerangkan kategori benih, nombor lot, nombor siri label, varieti dan kuantiti. Pengesahan terhadap ABB 6 akan dibuat oleh Pegawai

Pemeriksa setelah sampel di daftar di Makmal Ujian Biji Benih Jabatan Pertanian (MUBB) berkaitan.

11. UJIAN KUALITI BIJI BENIH

Peraturan Am

Ujian kualiti biji benih bertujuan untuk menentukan sama ada biji benih yang telah diproses memenuhi piawaian minimum biji benih seperti yang ditetapkan seterusnya bagi memberikan perakuan dan pengesahan kualiti.

Semua sampel akan diuji mengikut prosedur ujian yang ditetapkan dalam Garis Panduan Ujian Biji Benih yang dikeluarkan oleh *International Seed Testing Association* (ISTA). Jenis ujian yang ditetapkan di bawah PBB ialah ujian kelembapan, ketulenan fizikal dan percambahan.

Semua keputusan ujian akan dimaklumkan melalui borang Laporan Ujian Biji Benih ([ABB 7](#)). Ujian ulangan boleh dipertimbangkan sekiranya diperlukan. Pengesahan terhadap keputusan ujian biji benih akan dibuat oleh Pegawai Teknologi Biji Benih.

Ujian ulangan juga dibuat bagi lot benih yang disimpan melebihi enam bulan selepas keputusan pertama dikeluarkan. Jika masih terdapat lot benih yang tersimpan melebihi tempoh tersebut, ujian ulangan akan dibuat setiap enam bulan. Pada bila-bila masa jika lot benih yang diuji tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan, pengeluar dikehendaki melupuskan daripada stok, dikeluarkan dari stor biji benih dan dikemaskinikan rekod stok. Pengeluar bertanggungjawab bagi mamastikan lot benih disimpan dengan baik dan sempurna bagi memastikan kualiti benih tidak terjejas.

Ujian Ketulenen Fizikal

Ujian ketulenan dijalankan di MUBB berdasarkan pemerhatian visual dan diasing mengikut komponen biji tulen, bahan lengai, biji benih lain dan biji rumpai. Penilaian dibuat berdasarkan Standard Biji Benih berkenaan..

Bagi lot-lot biji benih yang tidak menepati standard biji benih ketulenen fizikal sahaja , pemprosesan semula akan disyorkan. Sekiranya pengeluar melaksanakan pemprosesan semula, ujian ulangan akan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Jika pemprosesan semula tidak dilakukan, lot benih berkenaan perlu

dilupuskan sebagai bukan benih sebelum verifikasi stok dilaksanakan oleh Pegawai Pemeriksa.

Ujian Kelembapan

Ujian kelembapan dijalankan di MUBB bagi menentukan kandungan kelembapan dalam biji benih. Ia bertujuan untuk menentukan biji benih mempunyai kandungan kelembapan yang selamat untuk tujuan penyimpanan. Penilaian dibuat mengikut standard biji benih berkenaan.

Bagi lot-lot benih yang tidak menepati piawaian biji benih, pengeringan semula disyorkan. Sekiranya pengeluar melaksanakan pengeringan semula, ujian ulangan akan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Jika pengeringan semula tidak dilakukan, lot benih berkenaan perlu dilupuskan sebagai bukan benih sebelum verifikasi stok dilaksanakan oleh Pegawai Pemeriksa.

Ujian Percambahan

Ujian percambahan dijalankan di MUBB bagi mengukur keboleh hidup biji benih. Setiap sampel diuji dalam keadaan yang optimum bagi sesuatu tanaman untuk tempoh masa yang ditetapkan. Keputusan ini memberikan ukuran potensi pertumbuhan benih di ladang dalam keadaan yang optimum. Penilaian dibuat mengikut standard biji benih berkenaan.

12. PEMERIKSAAN STOR DAN STOK

Peraturan Am

Pemeriksaan stor bertujuan untuk memastikan biji benih disimpan dalam keadaan baik dan teratur serta mudah dikesan. Hanya benih yang diperakui memenuhi piawaian sahaja ditempatkan di dalam stor biji benih yang dikhaskan. Pemeriksaan stor dan stok akan dijalankan pada masa yang ditetapkan atau pada bila-bila masa yang sesuai oleh Pegawai Pemeriksa. Semasa pemeriksaan stor dan stok, semakan penggunaan label, beg dan jumlah stok benih akan dilaksanakan. Pengeluar hendaklah memohon untuk pemeriksaan stor dan stok daripada Urus Setia. Pengeluar atau wakil mestilah hadir bersama semasa pemeriksaan stor dan stok dijalankan. Kegagalan untuk membuat permohonan dan hadir semasa pemeriksaan boleh mengakibatkan lot benih terlibat dibatalkan.



Keputusan pemeriksaan akan dimaklumkan kepada pengeluar dengan menggunakan Borang Laporan Pemeriksaan Stor dan Stok Biji Benih [\(ABB 8\)](#). Pengesahan terhadap keputusan pemeriksaan akan dibuat oleh Pegawai Pemeriksa.

Pelupusan Stok

Pengeluar dikehendaki memastikan hanya lot yang telah diperakui telah mendapat pengesahan kualiti sahaja ditempatkan di stor biji benih. Bagi lot-lot benih yang tidak menepati standard, lot benih berkenaan perlu dilupuskan sebagai bukan benih.

13. PERAKUAN PENGESAHAN KUALITI BIJI BENIH

Surat Akuan Pengesahan Biji Benih [\(ABB 9\)](#) akan dikeluarkan bagi lot-lot benih yang mencapai standard minimum yang ditetapkan selepas perakuan pemeriksaan stok dilaksanakan. Akuan pengesahan kualiti akan dibuat oleh Pegawai Pemeriksa.

14. PELABELAN

Semua lot benih yang diperakui memenuhi standard kualiti yang ditetapkan mestilah mempunyai label yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian.

Percetakan label perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian. Pengeluar perlu membuat permohonan kebenaran untuk mencetak label yang diperlukan mengikut anggaran pengeluaran yang disasarkan melalui borang Permohonan Label [\(ABB 10\)](#).

Contoh label perlu disertakan semasa membuat permohonan bagi maksud pengesahan kualiti kertas dan maklumat label. Permohonan hendaklah dibuat kepada alamat seperti berikut:

Ketua Pengarah,
Jabatan Pertanian Malaysia,
Wisma Tani, Aras 7
No. 30 Persiaran Perdana, Presint 4
62624 Putrajaya
(U.P: Pengarah Bahagian kawalan Kualiti Tanaman)

Setelah mendapat kelulusan, pengeluar dibenarkan mencetak label mengikut siri nombor yang ditetapkan. Pengeluar juga dikehendaki menyediakan rekod stok label yang digunakan. Kelulusan baru diperlukan bagi tujuan untuk mencetak label tambahan. Rekod penggunaan label perlu dikemaskini dan semakan rekod oleh Pegawai Pemeriksa akan dibuat dari masa ke semasa.

15. PEMASARAN BIJI BENIH SAH

Pengeluar hanya dibenarkan menjual lot-lot benih yang telah mendapat kelulusan melalui Surat Akuan Pengesahan Biji Benih (ABB 9). Biji benih sah yang ditawarkan untuk jualan perlu mempunyai label perakuan kualiti yang sah pada setiap beg benih.

Pegawai Pemeriksa boleh mengambil sampel biji benih di stor atau tempat jualan pada bila-bila masa untuk menguji peratus percambahan bagi memastikan sama ada lot benih masih menepati standard yang ditetapkan.

16. PETAK KAWALAN UJIAN KETULENAN VARIETI

Pelaksanaan petak kawalan ujian ketulenan varieti bertujuan untuk mengesan ketetapan pematuhan kepada standard ladang (ketulenan varieti) bagi setiap lot benih yang diluluskan. Sampel akan diambil bagi maksud untuk pengwujudan petak kawalan. Pegawai Pemeriksa pada bila-bila masa akan mengambil sampel yang diperlukan tanpa terlebih dahulu memberi maklum kepada pihak pengeluar. Keputusan petak kawalan akan digunakan untuk mengesan sebarang kepincangan dalam proses pemeriksaan ladang.



RUJUKAN

International Seed Testing Association, (2010) International Rules for Seed Testing Rules, Switzerland

Jabatan Pertanian, (2010) Amalan dan Kaedah Ujian Biji Benih Skim Pengesahan Benih Padi, Putrajaya

Jabatan Pertanian Malaysia, (2010) Manual Skim Pengesahan Bahan Tanaman : Pengeluaran Anak Benih Klon Buah-buahan, Putrajaya

Jabatan Pertanian, (2009) Pakej Teknologi Jagung Manis, Putrajaya

Jabatan Pertanian, (2009) Pakej Teknologi Cili, Putrajaya

Jabatan Pertanian, (2008) Panduan Penilaian Anak Benih, Putrajaya

Jabatan Pertanian Malaysia, (2009) Prosedur skim Pengesahan Benih Padi, Putrajaya

Jabatan Pertanian, (2011) Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM S002 : 2011) Pengeluaran Benih Cili, Putrajaya

Jabatan Pertanian, (2011) Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM S001 : 2011) Pengeluaran Benih Jagung, Putrajaya

SIRIM, (2008) Seeds – Sampling and Tests (second revision), Selangor



GLOSARI

Istilah berikut digunakan dalam Manual ini.

Benih Asas	Biji benih asas adalah progeneri daripada penanaman benih baka yang dikawal pengeluarannya oleh pembiakbaka atau pihak yang ditauliahkan
Biji Benih	Benih daripada satu varieti atau baka yang diperakukan dalam pengeluaran biji benih tanaman untuk tujuan penanaman
Benih Daftar	Biji benih sah adalah progeneri daripada penanaman biji benih asas yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur tertentu bagi memastikan tahap ketulenan genetik dan kualiti biji benih diperakui menepati standard yang ditetapkan
Benih Sah	Progeneri daripada penanaman biji benih asas, berdaftar yang dikawal pengeluarannya mengikut prosedur tertentu bagi memastikan ketulenan genetik dan diperakui menepati standard yang ditetapkan
Jarak Pengasingan	Jarak yang mengasingkan petak ladang benih varieti berlainan
Ladang Benih	Ladang yang ditanam dengan varieti yang diperakui untuk pengeluaran biji benih
Lot Benih	Kuantiti benih yang boleh dikenalpasti secara fizikal mengikut standard tertentu
Pokok Takai	Pokok yang tidak menepati identiti sesuatu varieti yang ditanam
Sumber Diperakui	Biji benih yang telah diperakukan oleh Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian
Varieti	Suatu kumpulan tumbuhan dalam satu taksonomi botani tunggal daripada peringkat terendah yang diketahui. Ia juga dianggap sebagai suatu unit berkenaan dengan kesesuaiannya untuk dibiakkan tanpa sebarang perubahan



**MUAT TURUN BORANG DAN LAMPIRAN
SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN : PENGELUARAN BIJI BENIH**

- Borang ABB 1** - Permohonan Sebagai Pengeluar Skim Pengesahan Bahan Tanaman : Pengeluaran Biji Benih
- Borang ABB 1A** - Maklumbalas Permohonan
- Borang ABB 2** - Permohonan Pendaftaran Ladang Biji Benih Skim Pengesahan bahan Tanaman : Pengeluaran Biji Benih
- Borang ABB 3A** - Laporan Pemeriksaan Ladang (Pra tanam)
- Borang ABB 3B** - Laporan Pemeriksaan Ladang (Berbunga / Berbuah)
- Borang ABB 4** - Laporan Pemeriksaan Loji/Premis Pemprosesan Biji Benih
- Borang ABB 5** - Rekod Hasil Tuaian Biji Benih Mentah
- Borang ABB 6** - Borang Pengambilan Sampel Untuk Ujian Biji Benih
- Borang ABB 7** - Laporan Makmal Ujian Biji Benih
- Borang ABB 8** - Laporan Pemeriksaan Stor dan Stok
- Borang ABB 9** - Surat Akuan Pengesahan Biji Benih
- Borang ABB 10** - Permohonan Label
- Lampiran 1** - Senarai Varieti Tanaman Untuk Pengesahan
- Lampiran 2** - Papan Tanda Ladang Benih